

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**  
**FEBRUARI 2017**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:  
Bahagian A : 30 Soalan Objektif  
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek  
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\*\***

---

**BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF**

1. Seorang pegawai telah dibenarkan untuk mendapatkan kemudahan elaun dari rumah ke pejabat. Pegawai ini menggunakan kenderaan miliknya sendiri dan jarak jauh dari rumah ke pejabatnya adalah melebihi 43.5 km. Berapakah kadar elaun yang akan diterimanya sebulan?
  - a. \$52
  - b. \$55
  - c. \$58
  - d. \$85
  
2. Kumpulan Kerja Cemerlang dilakukan dengan teknik-teknik tertentu kecuali
  - a. Spider Web Analysis
  - b. Fish Bone
  - c. Force-Field Analysis
  - d. Key Performance Indicator
  
3. Seorang pegawai menuntut Elaun Pelajaran dan Tambang bagi anaknya yang melanjutkan pelajaran keperingkat PhD. Berapakah had umur anak tersebut bagi membolehkannya menerima Elaun Pelajaran dan Tambang?
  - a. 35 tahun
  - b. 30 tahun
  - c. 28 tahun
  - d. 25 tahun
  
4. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian/Jabatan secara bergaji hari bagi Lulusan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan. Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Pengerusi dan keramaian keahlian jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya
  - a. Pegawai Pentadbir Kanan/Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dengan 6 orang
  - b. Ketua Jabatan/Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dengan 5 orang
  - c. Timbalan Ketua Jabatan/Timbalan Ketua Bahagian Kementerian dengan 5 orang
  - d. Ketua Bahagian Jabatan/Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dan 4 orang
  
5. Dr Ranjit Singh berasal daripada United Kingdom yang diambil berkhidmat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha secara berkontrak dan beliau berumur 45 tahun. Berapakah hak cuti Dr Ranjit Singh bagi setiap setahun perkhidmatan?
  - a. 60 hari
  - b. 50 hari
  - c. 48 hari
  - d. 45 hari

- 
6. Pihak manakah yang berkuasa untuk membenarkan kenaikan Pelanjutan Mata Gaji (EBKhas) bagi pegawai dan kakitangan kerajaan?
    - a. Jurukira Agung
    - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
    - c. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
    - d. Ketua Jabatan
  
  7. Dayang Monalisa binti Awang Azim adalah seorang pegawai dalam Bahagian III dengan gaji sebulan ialah \$1,990 dalam perjawatan tetap dan berkhidmat lebih daripada 15 tahun. Dia mempunyai seorang suami yang bekerja di sektor swasta dan 3 orang anak yang berumur 12 tahun, 2 tahun dan 18 bulan. Dayang Monalisa memohon Elaun Cuti. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
    - a. \$5,375
    - b. \$4,700
    - c. \$6,275
    - d. \$6,050
  
  8. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatan dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggagal 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman
    - a. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
    - b. Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
    - c. Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$20,000
    - d. Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
  
  9. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan Ijazah Sarjana?
    - a. \$140.00
    - b. \$127.70
    - c. \$111.30
    - d. \$90.45
  
  10. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggagal 83), ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut Bab 7 (a). Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan dibawah bab ini?
    - a. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai/kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
    - b. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat didalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu
    - c. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
    - d. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai yang berkhidmat di sektor swasta sahaja

- 
11. Seorang pegawai yang baru dilantik dalam Bahagian II dalam tanggagaji B.2 EB.3 dengan gaji \$2,810 telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 3 Januari 2017. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya bagi tahun berikutnya?
    - a. 1 Januari 2018
    - b. 1 Februari 2018
    - c. 31 Januari 2018
    - d. 3 Januari 2018
  
  12. Siapakah yang boleh memberi kebenaran Cuti Tanpa Catat?
    - a. Ketua Jabatan
    - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
    - c. Jurukira Agung
    - d. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  
  13. Tatacara persuratan diantara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang didalam Kementeriannya.
    - a. Memorandum
    - b. Bersurat (Letterhead)
    - c. Minit
    - d. Bersurat dan Memorandum
  
  14. Berapa tempoh keseluruhan Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh Klinik Swasta yang dibolehkan dalam setahun?
    - a. Tidak melebihi 14 hari
    - b. Tidak Melebihi 15 hari
    - c. Tidak melebihi 7 hari
    - d. Tidak terhad
  
  15. Sesuatu jawatan kosong untuk di "Trade off" bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan. Siapakah yang dimaksudkan dengan pihak berkuasa itu?
    - a. Jabatan Perkhidmatan Awam
    - b. Jabatan Perdana Menteri
    - c. Jabatan Perbendaharaan
    - d. Kementerian Kewangan
  
  16. Pusingan atau Proses Pelaksanaan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang teratur ada enam (6). Pusingan Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat adalah Pembentukan Jawatankuasa TPOR; Penggubalan TPOR; Promosi; Penyediaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan, Pusingan yang seterusnya adalah
    - a. Penilaian dan Penambahbaikan; Pemantauan
    - b. Pemantauan; Rebiu dan Penilaian dan Penambahbaikan
    - c. Pemantauan; Penilaian dan Penambahbaikan
    - d. Perancangan; Implementasi dan Rebiu

- 
17. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian/Jabatan secara bergaji hari bagi lepasan ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND). Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Diantara tugas jawatankuasa ini adalah memastikan calon-calon diperakukan dari segi kelulusan yang diiktiraf secara ujian bertulis dan/atau kaedah lain (jika perlu); Menemuduga calon-calon; dan Membuat rumusan/laporan lengkap hasil dan temuduga. Sila nyatakan satu (1) lagi tugas jawatankuasa ini.
- Memastikan pemohon-pemohon menghadiri temuduga
  - Memastikan pemohon-pemohon mengisi borang SPA/02
  - Memastikan ahli jawatankuasa menghadiri temuduga
  - Memastikan pemohon-pemohon memenuhi Skim Perkhidmatan
18. Apakah definisi Pegawai Penilai semula dalam sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Perkhidmatan Awam
- Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesejahteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang didalam bidanguasa arahnya secara langsung
  - Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian/Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai dan kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
  - Pegawai dan kakitangan yang terkandung dibawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
  - Ketua Jabatan
19. Merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai didalam proses diambil tindakan tatatertib; Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) seberang laut; Naik pangkat ke Bahagian I. Apakah satu keadaan lagi?
- Sepanjang tempoh pegawai menjalani cuti tidak bergaji
  - Mengambil cuti tahunan
  - Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
  - Bertukar gelaran jawatan
20. Menilai semua pegawai meratai secara ketat atau longgar. Apakah istilah yang digunakan dalam penilaian prestasi dalam keadaan ini?
- Horns
  - Consistency
  - Halo
  - Recency

- 
21. Ciri-ciri utama penilaian dan pemilihan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam bagi pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang seperti berikut:
- Personaliti, dedikasi, kreativiti, akauntabiliti dan disiplin
  - Keterampilan, dedikasi, kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin
  - Personaliti, dedikasi, kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin
  - Bakat, Dedikasi, kebolehharapan, akauntabiliti dan disiplin
22. Peserta akan menerima pembayaran simpanan Persaraan Caruman Tambahan (SCP) apabila mencapai umur 60 tahun secara bulanan untuk beberapa tahun. Berapa jangka masa pembayaran manfaat dari peserta yang dimaksudkan itu?
- Seumur hidup
  - 20 tahun
  - 15 tahun
  - 10 tahun
23. Apakah yang dimaksudkan dengan RSLT dalam Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)?
- Rebiu; Lancar; Semak; Tindakan
  - Rancang; Laksana; Semak; Tindakan
  - Rancang; Laksana; Semak; Tempoh
  - Rebiu; Lancar; Sembahkan; Tindakan
24. Elaun pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang berumur seperti berikut:
- Sehingga 35 tahun
  - Sehingga 30 tahun
  - Sehingga 28 tahun
  - Sehingga 25 tahun
25. Pegawai yang membuat permohonan menamatkan perkhidmatan terus sahaja berhenti atau meninggalkan pekerjaan tanpa mendapatkan kebenaran menamatkan perkhidmatan akan dikenakan tindakan tatatertib yang memungkinkan pegawai berkenaan
- Dibuang kerja
  - Diberikan amaran keras
  - Membayar satu bulan gaji
  - Disenarai hitamkan
26. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian V jika merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggali 83)?
- Ketua Jabatan
  - Setiausaha Tetap
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

27. Cuti Beranak diberikan kepada Pegawai dan kakitangan Perempuan didalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin disisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi pegawai dan kakitangan perempuan jika beliau mengalami keguguran sewaktu usia kandungan kurang daripada 24 minggu?
- 108 hari
  - 105 hari
  - 56 hari
  - Hanya diberikan Cuti Sakit
28. Salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan Pelanjutan Mata Gaji atau EBKhas adalah mempunyai Penilaian Prestasi pada tahap tertentu selama dua (2) tahun berturut-turut. Apakah tahap prestasi yang diperlukan?
- Memuaskan
  - Baik
  - Sangat Baik
  - Cemerlang
29. Elaun Sara Hidup tidak diberikan kepada pegawai-pegawai yang menerima gaji :
- \$5,400
  - \$5,900
  - \$6,800
  - \$7,010
30. Ciri yang tidak termasuk dalam ciri-ciri Umum Penilaian Prestasi bagi pegawai-pegawai Bahagian I dan II seperti berikut:
- Pengetahuan kerja
  - Kepimpinan
  - Inovatif
  - Penyelesaian kerja

**BAHAGIAN B**

**Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.**

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Asas Kenaikan Pangkat
2. Rukun Akhlak dan Etika Kerja : Titih Lutanan dan Menghargai Masa Asas Kejayaan
3. Definasi Surcharge
4. Tindakan Tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam menurut kesalahan
5. Keadaan Yang Membolehkan Wang Simpanan Tabung Amanah Pekerja (TAP) Dikeluarkan
6. Cuti Lebih Masa (Off-In-Lieu)
7. Peraturan Permohonan Keluar Negeri menurut peraturan 9. Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83.
8. Peraturan Bagi Menyediakan dan Pengeluaran Surat Keliling seperti terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 12/1999
9. Sistem Penilaian Prestasi Secara Terbuka
10. Penetapan Tarikh Lahir

**BAHAGIAN C**

**Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.**

**SOALAN 1**

1. Terangkan dalam keadaan mana sesuatu jawatan itu hanya boleh dibenarkan memangku menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008.  
**(3 Markah)**
2. Terangkan tempoh lantikan memangku yang boleh dibayar menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:4/2008.  
**(4 Markah)**
3. Terangkan dengan memberikan contoh apa yang dimaksudkan lantikan memangku hanya dibenarkan pada peringkat 2 talian sahaja.  
**(3 ½ markah)**
4. Terangkan kadar elaun memangku perenggan 4.1 dan 4.2 menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 4/2008.  
**(6 markah)**
5. Sebutkan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam yang tidak boleh dilantik memangku.  
**(1 markah)**

**SOALAN 2**

Hal Ehwal Cuti Sakit disahkan sendiri.

1. Definasi Cuti Sakit Disahkan Sendiri dan syarat kelayakan. **(2 ½ Markah)**
2. Sila nyatakan Syarat Am CSDS. **(3 Markah)**
3. Sila nyatakan Peraturan-Peraturan bagi CSDS. **(6 Markah)**
4. Huraikan Tatacara Permohonan CSDS. **(6 Markah)**

**SOALAN 3**

Hal Ehwal Cuti

1. Sebutkan 4 sahaja keadaan dimana pegawai dan kakitangan tidak akan mendapat kelayakan cuti tahunan selain daripada cuti tidak bergaji.  
**(4 markah)**
  
2. Huraikan tiga (3) keadaan permohonan cuti tidak bergaji dapat dipertimbangkan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 4/1998.  
**(6 ½ markah)**
  
3. Terangkan tatacara mendapatkan kebenaran bagi permohonan Cuti Tidak Bergaji.  
**(3 markah)**
  
4. Apakah peraturan-peraturan yang dikenakan sebelum seorang pegawai diberikan Cuti Beranak?  
**(2 markah)**
  
5. Berapakah kadar Cuti Beranak dan bilakah ianya sepatutnya bermula?  
**(2 markah)**